

Undang-undang kawal kualiti makanan haiwan digubal

UM - 20/9/2006

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membentangkan Rang Undang-undang Makanan Haiwan di Parlimen tidak lama lagi.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, rang undang-undang itu masih dalam semakan terakhir Jabatan Peguam Negara.

Katanya, dengan adanya rang undang-undang itu, kerajaan boleh mengawal kualiti makanan haiwan terutamanya ayam agar memenuhi keperluan nutrien dan selamat digunakan.

"Pengawalan itu penting supaya tidak mendatangkan kesan yang memudaratkan kepada haiwan serta makanan hasilan haiwan tidak tercemar dan selamat dimakan.

"Bagaimanapun, rang undang-undang itu tidak mengawal selia harga di pasaran memandangkan ketidakstabilan harga ayam dipengaruhi oleh kesan permintaan dan pengeluaran ayam.

"Antara faktor yang mempengaruhi harga ialah harga anak ayam, harga makanan, kos buruh, penyakit, kadar kematian, permintaan, pengeluaran semasa serta kos elektrik, air dan prasarana lain," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan asal Dr. Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) mengenai penggubalan akta tersebut kerana tanpa akta menyebabkan penternak ayam se-

cara kontrak ditindas oleh syarikat gergasi dalam bidang penternakan.

Menurut Muhyiddin, kementeriannya juga sedang memikirkan sama ada wajar atau tidak untuk memperkenalkan akta penternakan secara kontrak untuk memberikan layanan yang adil kepada penternak ayam.

"Ini bagi memastikan draf perjanjian antara pihak penternak dengan syarikat gergasi tidak berat sebelah terutama dalam fasal yang menentukan perubahan kos harga makanan haiwan yang meningkat setiap hari supaya pihak penternak tidak menanggung kerugian," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan Datuk Mat Yasir Ikhsan (BN-Sabak Bernam), Muhyiddin berkata, sektor pertanian kini mengalami kemerosotan dalam guna tenaga iaitu daripada 1,423,000 pada tahun 2000 ke 1,323,800 (2005).

"Justeru, untuk menangani pengurangan guna tenaga dalam sektor ini, kementerian mengambil beberapa langkah seperti menyebarkan kejayaan usahawan tani muda dalam projek pertanian melalui seminar, pameran dan taklimat.

"Selain itu, kementerian turut menyediakan kemudahan infrastruktur di samping pelbagai program keusahawanan dan pinjaman bagi golongan muda yang ingin menyertai sektor berkenaan," jelasnya.